# DEB GAGAL JIKA UMAT ISLAM KETEPIKAN EKONOMI MODEN

UM 26 MAY 1984

KUALA LUMPUR 25 Mei – Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa matlamat untuk mencapai 30 peratus penyertaan bumiputera menjelang tahun 1990 tidak mungkin tercapai jika orang-orang Islam mengenepikan sistem ekonomi moden sekarang kerana mahu menunggu sehingga sistem Islam menguasai seluruh ekonomi negara.

Kata Presiden UMNO itu: "Orang-orang Islam tidak dapat mengelak menggunakan sistem ekonomi moden walaupun ia dibentuk dan diamali oleh orang bukan Islam kerana jika mereka mahu elakkan sebelum sistem Islam dikembangkan, akan mengakibatkan orang - orang Islam sendiri dijajah oleh pengamal sistem ekonomi dunia sekarang.

"Orang-orang Islam yang berhajat memajukan sistem ekonomi Islam mesti menyusun langkah dan menggunakan sistem orang lain dahulu. Sistem Islam adalah praktikal dan yang menggagalkan sistem Islam bukanlah agama Islam tetapi tindakan buta tuli penganut - penganut Islam."

Dalam ucapan dasarnya setebal 39 muka di Perhimpunan Agung UMNO Malaysia Ke-35 di Dewan Nirwana Hotel Hilton di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir mahu orang-orang Islam di negara ini bersikap realistik.

Dewan Nirwaha penuh sesak dengan wakil-wakil dari 114 bahagian UMNO dari seluruh negara, wakil-wakil kelab UMNO di seberang laut, para pemerhati, wakil-wakil dari parti-parti komponen dan lain-lain veteran parti.

Datuk Sri Dr. Mahathir dalam ucapannya yang menyentuh berbagai perkara termasuk isu pindaan perlembagaan, perebutan jawatan dalam parti, golongan ekstrimis dan kemelesetan ekonomi juga mengingatkan orang-orang Islam supaya bertanya diri sendiri sama adu mahu bahagian mereka dulum ekonomi negara.

Katanya, "soal ini perlu ditanya kerana baru-baru ini soal halal-haram Amanah Saham Nasional (ASN) telah dibangkitkan semula oleh orang-orang yang berkepentingan."

Sedangkan, menurutnya, pembentukan ASN adalah di antara langkah yang diambil oleh kerajaan kerana orang-orang Islam dalam Malaysia beradu dalam keadaan cemas dan melaluinya, mereka akan dapat menguasai sebahagian dari ekonomi negara iaitu 30 peratus.

Beliau menghuraikan bahawa kerana peranan yang dimainkan oleh badan-badan seperti ASN, Pernas, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan lain-lain, orang-orang Islam hari ini menguasai 18 peratus dari ekonomi negara.

"Jika badan-badan ini diharamkan maka kita tidak mungkin dapat 1 peratus pun dari ekonomi negara, lebih-lebih lagi jika Bank Islam pun kita tidak mahu terima. Jika ini berlaku orang-orang Islam akan lumpuh."

"Terpulanglah kepada kita memilih sama ada kita mahu menolong diri sendiri atau mahu menjadi hipkorit yang sanggup bertindak cuma kerana politik parti sementara berpura - pura dengan keislaman kita," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mendedahkan ada pemimpin sebuah parti yang baru-baru ini berkata riba diizinkan dalam darurat kerana tahu ajaran Islam, tetapi kelonggaran untuk mereka gunakan untuk kepentingan politik kerana tidak mahu mengakui Bank Islam, bukan kerana darurat.

Sebagai contoh untuk membuktikan kenyataan yang dihudupi oleh orang-orang Islam sekarang, Presiden UMNO itu juga telah membangkitkan mengenai soal pembuatan mi Islam.

"Sungguhpun mi itu dibuat oleh orang Islam, tepung dibeli dari orang bukan Islam, bahkan ditanam, diimport dan dijual oleh orang bukan Islam dengan pembiayaan Bank Perdagangan bukan Islam.

"Pembuatan dan penjualan barang oleh orang Islam memang patut disokong oleh orang Islam tetapi janganlah gunakan Islam sebagai iklan, terutamanya bila dakwaan itu tidak benar. Perbuatan sedemikian menghinakan Islam dan menjadikannya bahan gelak ketawa orang lain," ujarnya.

Menyentuh tentang pindaan perlembagaan Presiden UMNO itu menegaskan bahawa tiada siapa boleh menuduh lagi bahawa pindaan itu dibuat tanpa restu dari majoriti ahli UMNO kerana berbagai majlis penerangan kepada ahli parti serta juga parti komponen Barisan Nasional dan rakyat telah diadakan sebelumnya.

Beliau menganggap kejayaan yang dicapai itu telah menunjukkan bahawa akhirnya rakyat yang berhak membuat undang-undang yang mempunyai kesan terhadap rakyat.

Kepada ahli-ahli UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan supaya menolak pewujudan gejala," personality cult" dan "parochialism" dalam parti.

"Saya merayu kepada ahli-ahli UMNO supaya cintakan UMNO dan tidak, orang-orang tertentu di dalamnya, termasuk saya.

"Orang-orang ini berguna cuma kerana khidmat yang boleh diberikan oleh mereka. Dari mana mereka datang tidak penting. Sama ada mereka raja atau rakyat, bergelaran atau tidak, tidaklah *penting* – yang penting ialah khidmat mereka ke arah pencapaian matlamat UMNO," tegasnya.

Bercakap tentang dirinya pula Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau akan berkhidmat kepada parti dan negara selagi ada hayat dan kemampuan.

"Cuma saya pohon kepada Allah Subhanahu Wa'taala ialah apabila khidmat saya sudah tidak dikehendaki lagi, saya akan sedar akan kenal tanda - tandanya dan saya dapat mengundur diri dengan senang hati."

Mengulas keributan perebutan jawatan UMNO kali ini, Presiden UMNO itu mengingatkan penggunaan wang dan rebutan jawatan akan menghancurkan UMNO dan melemahkan orang-orang Melayu dan sekiranya ia berlaku satu hari nanti jutawan sahaja akan memimpin UMNO.

"Pada waktu itu UMNO bukan lagi parti politik. Ia akan menjadi persatuan orang-orang kaya, dan sudah tentu rakyat umum tidak akan menyokongnya lagi," katanya.